

11 MAY 1996  
Konvensyen-Anwar  
ANGGOTA UMNO JANGAN LEKA, KATA ANWAR

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini mengingatkan pemimpin dan anggota parti supaya tidak leka dengan kejayaan yang dicapainya sepanjang 50 tahun lepas.

Beliau berkata kejayaan yang dinikmati selama ini boleh melemahkan semangat dan menjadi punca hilang tumpuan kepada persoalan pokok dan matlamat perjuangan.

"Saya ingin mengingatkan bahawa parti yang telah lama berkuasa, senang dan mewah akan lebih senang dikejutkan dengan kekalahan," katanya semasa berucap menutup Konvensyen Ulangtahun Umno ke-50 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Sehubungan itu, beliau mahu semua anggota parti lebih insaf dan mengambil kesempatan daripada perayaan Jubli Emas Umno ini dengan melihat semula prinsip dan agenda perjuangan Melayu serta matlamat masa depannya.

Anwar mahu satu gerakan raksasa dijalankan bagi menyebarkan semua kertas, resolusi dan perisytiharan Konvensyen Umno hari ini ke semua peringkat masyarakat untuk menimbulkan minat mereka terhadap sejarah perjuangan, memahami falsafah perjuangan dan bermahasabah (melihat ke dalam diri kelemahan dan memperbetulkannya).

"Cara sedemikian sahaja akan membolehkan kita terus berdamping dengan rakyat dan terikat dengan prinsip perjuangan parti," katanya.

Beliau berkata pemimpin Umno perlu mengambil pendekatan yang lebih realistik dengan mendapatkan semua maklumat serta mengambil kira teguran dan saranan yang diutarakan sepanjang konvensyen itu.

Anwar, yang juga Timbalan Perdana Menteri, berkata beliau akan meminta Pengerusi Jawatankuasa Konvensyen (Datuk Seri Najib Tun Razak) supaya menyiapkan laporan yang terperinci bagi dikemukakan kepada menteri-menteri Umno, menteri besar dan ketua menteri dan akhirnya Majlis Tertinggi Umno.

"Ini adalah untuk memastikan rumusan dan pengisytiharan yang dibuat pada konvensyen ini menjadi sesuatu yang mampu kita laksanakan dengan sesungguhnya," katanya.

Katanya beliau juga akan mengusulkan kepada Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya satu jawatankuasa meneliti dan membuat laporan semula mengenai pelaksanaan program, agenda dalam semua bidang -- ekonomi, pendidikan/sosio budaya dan agama -- termasuk etika politik.

Laporan itu nanti akan dikemukakan pada perhimpunan agung parti Oktober ini, katanya.

Anwar yang juga Menteri Kewangan menegur sebilangan usahawan Bumiputera yang mendapat bantuan kerajaan masih leka dan tenggelam dengan kemewahan malah mereka lupa akan tanggungjawab sosial untuk membela nasib bangsa.

"Dalam dasar penswastaan, kita mahu syarikat baru menjalankan tanggungjawab sosial mereka seperti melatih, memberi biasiswa, menyediakan rumah kepada rakyat dan membimbing syarikat Bumiputera baru dengan bersungguh-sungguh," katanya.

Beliau berkata kerajaan telah mengarahkan Unit Perancang Ekonomi membuat garis panduan lebih ketat bagi mengatasi kelemahan yang wujud dalam pelaksanaan dasar penswastaan itu.

Katanya kekayaan yang dikecapi melalui dasar penswastaan harus diagih-agihkan secara adil seperti menerusi pelbagai skim vendor, skim francais, skim latihan dan skim payung.

Anwar juga menyentuh mengenai kemiskinan, perumahan, kelemahan pendidikan dan pembangunan luar bandar yang masih dihadapi sebahagian besar

masyarakat Melayu dan Bumiputera.

"Mengabaikan masalah kemiskinan bermakna kita mengetepikan salah satu unsur besar yang diperjuangkan sejak kemerdekaan oleh pemimpin-pemimpin parti," katanya. -- BERNAMA

HS AKD